



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PAMERAN SETEM 2025 JULUNG KALI DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 18 April 2025 – Pameran setem '*Stamp Fair 2025 @ Putrajaya*' telah diadakan julung kalinya pada 17 hingga 18 April 2025 bertempat di Galeri Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Putrajaya. Penganjuran pameran setem ini melibatkan kerjasama antara SPA dan Persatuan Filateli Malaysia (PSM).

Timbalan Pengerusi SPA, YBhg. Datuk Zohari bin Said berkata, "Langkah ini merupakan satu pendekatan baharu bagi mencetuskan semangat patriotisme dalam kalangan penjawat awam melalui nilai-nilai sejarah yang mampu diterapkan melalui setem dan bahan-bahan berkaitan pos".

Menurut Presiden PSM, Encik Muhamed Salim bin Mohd Ali pula, pameran setem ini turut memaparkan antara lainnya, setem serta bahan pos berkaitan masjid, rumah ibadat, perjuangan Palestin, sampul surat hari pertama dan surat menyurat yang mempunyai nilai sejarah yang amat tinggi. Pameran ini juga diadakan bersempena dengan Mesyuarat *Exco Federation of Inter-Asian Philately* (FIAP). Ia merupakan sebuah badan antarabangsa yang memelihara isu berkaitan filateli pada 18 April 2025. FIAP juga berfungsi sebagai badan penyelaras yang menyatukan persatuan filateli di Asia dan Australia bagi memajukan aktiviti pengumpulan dan kajian setem secara teratur. Malahan, ia turut mendorong kerjasama serantau dalam menganjurkan pameran filateli seterusnya berperanan dalam meningkatkan pengiktirafan dan pembangunan filateli di peringkat antarabangsa.

Selain itu, pelbagai acara menarik turut diadakan seperti jualan filateli oleh pihak Pos Malaysia dan pengedar setem, sesi perkongsian hobi mengumpul setem serta '*lucky draw*'. Pihak Pos Malaysia juga telah mengeluarkan *chop* serta setem '*overprint*' khas bagi mengingati pameran bersejarah ini.

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
18 APRIL 2025**



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

MEDIA RELEASE

FIRST-EVER STAMP EXHIBITION 2025 IN PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 18 April 2025 – The stamp exhibition ‘Stamp Fair 2025 @ Putrajaya’ was held for the very first time from 17 to 18 April 2025 at the Public Services Commission (SPA) Gallery, Putrajaya. The organization of this stamp exhibition was a collaborative effort between SPA and the Philatelic Society of Malaysia (PSM).

The Deputy Chairman of SPA, YBhg. Datuk Zohari bin Said, stated, “This initiative is a new approach to ignite the spirit of patriotism among civil servants through historical values that can be conveyed through stamps and postal-related materials.”

According to the President of PSM, Mr. Muhamed Salim bin Mohd Ali, the exhibition also showcased, among others, stamps and postal items related to mosques, houses of worship, the Palestinian struggle, first day covers, and historically significant correspondence. The exhibition was also held in conjunction with the Executive Committee Meeting of the Federation of Inter-Asian Philately (FIAP) on 18 April 2025. FIAP is an international body that oversees philatelic matters and acts as a coordinating body uniting philatelic societies in Asia and Australia to promote the hobby and study of stamp collecting in an organized manner. Furthermore, it encourages regional cooperation in hosting philatelic exhibitions and plays a key role in enhancing the recognition and development of philately at the international level.

In addition, a variety of exciting activities were held, including philatelic sales by Pos Malaysia and stamp dealers, stamp collecting hobby-sharing sessions, and a lucky draw. Pos Malaysia also issued a special commemorative postmark and overprinted stamp to mark this historic exhibition.

PUBLIC SERVICES COMMISSION OF MALAYSIA

18 APRIL 2025